

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIE ANAK MONGIN
[PUNCAK BORNEO]

TARIKH : 23 OKTOBER 2018 (SELASA)

SOALAN NO. 5

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) (Sabah dan Sarawak) atau Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) boleh mewajibkan para penumpang dan pemandu *e-hailing* berdaftar dengan dokumen pengenalan demi keselamatan kedua-dua belah pihak.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

1. Akta Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2017 (Akta PAD (Pindaan) 2017) dan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2017 (Akta LPKP (Pindaan) 2017) bagi memberikan kuasa kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)/ Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan LPKP (Sabah dan Sarawak) untuk mengawal selia perkhidmatan *e-hailing* telah mendapat kelulusan Dewan Rakyat dan Dewan Negara serta telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong dan telah dikuatkuasakan bermula 12 Julai 2018 bersama-sama peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah yang berkaitan.
2. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat *e-hailing* diberikan tempoh (12) bulan dari tarikh kuat kuasa untuk mendaftarkan perniagaan mereka dengan SPAD/ APAD sebelum kedua-dua Akta dikuatkuasakan sepenuhnya pada 12 Julai 2019. Bidang kuasa SPAD/ APAD merangkumi Semenanjung Malaysia manakala perkhidmatan *e-hailing* di Sabah dan Sarawak akan dikawalselia oleh LPKP Sabah dan LPKP Sarawak. Sehingga kini, seramai 300,000 pemandu *e-hailing* sedang berkhidmat dengan (16) syarikat *e-hailing* di Semenanjung Malaysia.
3. Di bawah Akta PAD (Pindaan) 2017 dan Akta LPKP (Pindaan) 2017, hanya syarikat *e-hailing* yang telah dilesenkan oleh SPAD/ APAD, LPKP Sarawak dan LPKP Sabah sahaja dibenarkan untuk menawarkan perkhidmatan *e-hailing*. Oleh yang demikian, setiap syarikat *e-hailing* dikehendaki untuk memohon lesen yang dinamakan Lesen Perniagaan Pengantaraan (LPP) bermula 1 November 2018.
4. Susulan daripada itu, setiap kenderaan *e-hailing* yang telah didaftarkan oleh SPAD /APAD serta berusia tiga (3) tahun dan ke atas (dari tarikh pendaftaran kenderaan di JPJ), dikehendaki untuk dihantar ke PUSPAKOM bagi pemeriksaan berkala. Pemandu e-

NO. SOALAN : 5

hailing pula akan menjalani latihan bagi mendapatkan Lesen Vokasional (PSV) bermula bulan Januari 2019. Seterusnya, syarikat *e-hailing* akan mendaftarkan pemandu mereka ke SPAD/ APAD bagi mendapatkan Kad Pemandu Elektronik.

5. Sistem pendaftaran bagi pemandu dan penumpang di bawah perkhidmatan *e-hailing* juga dikehendaki mempunyai maklumat seperti berikut:
 1. Nama penuh;
 2. Maklumat Kad Pengenalan atau Passport (bagi penumpang yang bukan warganegara Malaysia) yang sah; dan
 3. Nombor telefon bimbit.

6. Oleh itu, Kementerian Pengangkutan melalui SPAD/ APAD, LPKP Sarawak dan LPKP Sabah akan mewajibkan para penumpang dan pemandu *e-hailing* berdaftar dengan dokumen pengenalan demi keselamatan kedua-dua pihak.